



### Praktis 1

Nyatakan jenis kata bagi perkataan yang bergaris di bawah ini sama ada kata ganti nama diri, kata ganti nama tunjuk, kata ganti nama tempat, kata ganti nama tanya atau kata ganti nama umum,

1. Semua murid dilarang bermain di situ. ( )
2. Jangan tinggalkan apa-apa barang di dalam meja. ( )
3. Perkara ini membuktikan bahawa beliau tidak bersalah. ( )
4. Yang berbaju biru itu siapa? ( )
5. Bilakah kamu hendak pergi menziarahi bapa saudara kamu di hospital? ( )

### Praktis 2

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan kata ganti nama yang sesuai.

1. Saya menunggu awak di \_\_\_\_\_ (sini/sana) sejak pukul lapan tadi.
2. Nama guru Matematik itu \_\_\_\_\_ (apa, siapa)?
3. "Bukan bola \_\_\_\_\_ (ini, itu) yang saya maksudkan," kata Sulaiman kepada budak itu sambil memegang bola berkenaan.
4. Pen yang di atas meja tadi \_\_\_\_\_ (manakah, mana)?
5. \_\_\_\_\_ (Apakah, Siapakah) binatang yang menceroboh kebun Pak Samad?

### Praktis 3

Pilih kata ganti nama yang betul di dalam kurungan yang disediakan.

1. "Sila masukkan surat anda di \_\_\_\_\_ (sini, sana)," kata Suzana sambil menunjukkan peti surat tersebut di hadapannya.
2. "Tempat membuang sampah di \_\_\_\_\_ (situ, sini)," kata Jamil sambil menunjukkan tangannya ke arah tempat itu.
3. Minuman yang saya bawa tadi \_\_\_\_\_ (manakah, mana)?
4. \_\_\_\_\_ (Apakah, Siapakah) tajuk cerpen yang kamu baca itu?
5. Yang di atas bukit \_\_\_\_\_ (ini, itu) rumah Pak Wan.



## Praktis 1

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. "Permaidani \_\_\_\_\_ saya beli pada minggu sudah," kata Faiz kepada Halimah sambil memegang permaidani tersebut.  
A. ini                      B. itu                      C. sana                      D. sini
2. Nama pengetua sekolah itu \_\_\_\_\_?  
A. siapakah              B. siapa                      C. apakah                      D. apa
3. "Kehadiran saya di \_\_\_\_\_ adalah untuk meraikan kejayaan Encik Rosli sebagai johan bahas peringkat negeri," kata Pengarah Pelajaran tersebut.  
A. situ                      B. sana                      C. sini                      D. ini
4. "\_\_\_\_\_ yang sedang bermain piano?" tanya ayah kepada abang.  
A. Apa                      B. Apakah                      C. Siapa                      D. Siapakah
5. "\_\_\_\_\_ ibu kamu?" tanya Pak Wan kepada bakal menantunya.  
A. Mana                      B. Manakah                      C. Siapa                      D. Siapakah

## Praktis 2

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mempunyai kesalahan penggunaan bahasa atau  **mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A**, **B**, atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

1. Yang menaja perbelanjaan Aizat dalam pertandingan catur antarabangsa  
A B  
di Jerman siapa-siapa? Tiada kesalahan  
C D
2. Mana murid yang ingin menyertai perkhemahan itu hendaklah terlebih dahulu  
A B  
mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa. Tiada kesalahan  
C D
3. Saya terpaksa tinggal di sini-sini sebelum rumah saya didirikan semula.  
A B C  
Tiada kesalahan  
D
4. Saya akan meletak jawatan sebagai pengerusi persatuan itu pada bila masa.  
A B C  
Tiada kesalahan  
D



5. Orang yang sedang berada di hadapan rumah kamu itu siapa?  
A B C  
Tiada kesalahan  
D

### Praktis 3

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Siapa yang berminat untuk mengikuti lawatan ke Pulau Pinang, sila dapatkan borang penyertaan daripada saya.  
\_\_\_\_\_
2. "Rumah siapakah yang terletak di atas bukit ini?" kata Suhaina sambil memandang ke arah rumah yang tersergam indah.  
\_\_\_\_\_
3. "Benda yang tergantung di depan pintu rumah kamu itu apakah?" tanya ayah kepada budak itu.  
\_\_\_\_\_

### Praktis 4

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat tersebut.

1. Siapa siapa yang terjumpa telefon bimbit saya nanti dikehendaki menyerahkannya kepada pemilik kedai ini.  
\_\_\_\_\_
2. "Saya hendak ke seberang Sana," kata penumpang bot itu kepada jurumudi tersebut.  
\_\_\_\_\_
3. "Siapa-kah yang akan menjaga budak ini?," tanya Suhaibah kepada adik-adiknya sambil mendukung budak itu.  
\_\_\_\_\_